July 2017

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

74th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR

Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR

Roselind Wee
CHIEF EDITOR (ENGLISH)

Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Aiza Johari
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Azlina Ghazali
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR (BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)

Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)

Ardiana Mazwa Raudah Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)

Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)

Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER

Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

BENGKEL WEKA - JABATAN SAINS MATEMATIK 2017

Oleh: Juliza Salleh

Jabatan Sains Matematik telah mengadakan Bengkel WEKA *(Waikato Environment for Knowledge Analysis)* pada hari Jumaat 24 Mac 2017 yang lalu bertempat di makmal komputer C2004 Kampus Samrahan 2. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Dr. Stephanie Chua Hui Li, pensyarah kanan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS.

Weka adalah perisian yang dibangunkan oleh *Machine Learning Group* di University of Waikato, New Zealand. Perisian Weka ini dikhususkan untuk perlombongan data *(data mining)* di mana ia merupakan satu bidang yang telah berkembang hasil daripada maklumat dan data yang semakin bertambah. Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan bagaimana untuk mendapatkan pengetahuan tertentu daripada maklumat yang ada dan aplikasi perlombongan data. Bengkel ini telah dibahagikan kepada dua sesi, pagi dan petang. Pada sesi pagi, penceramah berkongsi dan menerangkan konsep *data mining* serta aplikasinya menggunakan perisian Weka. Pada sesi petang pula, para peserta dibimbing untuk menganalisis data masing-masing menggunakan perisian Weka. Seramai 19 orang pensyarah telah turut serta menjayakan bengkel ini. Bengkel telah tamat pada 4.30 petang dan diakhiri dengan jamuan ringan.

BENGKEL PENGUCAPAN AWAM

Oleh: Leviana Andrew

Pelajar Semester 2 Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118) telah menganjurkan Bengkel Pengucapan Awam pada 11 Februari 2017 (Sabtu) yang lalu. Ianya adalah aktiviti tambahan luar kelas bagi kursus Bahasa Melayu Pengurusan Sistem Pejabat (BBM110) yang diambil oleh pelajar-pelajar Semester 2. Di antara objektif bengkel tersebut adalah untuk membentuk individu menguasai kemahiran pengucapan awam, mengatasi kegugupan dan meningkatkan keyakinan diri. Bengkel tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian: pengenalan kepada Pengucapan Awam, *"Stage Presence"*, dan latihan dalam kumpulan.

Seramai 92 orang pelajar telah menyertai bengkel yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah jemputan iaitu Encik Hazis bin Wahab, Penolong Pegawai Kebudayaan UiTM Cawangan Sarawak yang berpengalaman lebih 10 tahun di dalam bidang teater dan pengacaraan majlis. Turut membantu sebagai fasilitator dalam sesi latihan dalam kumpulan adalah 10 orang pelajar daripada Public Speaking (HPD221).

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian cenderahati dan sijil penyertaan kepada semua peserta dan hadiah khas kepada Pelajar Paling Berdedikasi (Iza Mardiana Abdullah), Peserta Paling Sporting (Kamarul bin Mohamad) dan Peserta Paling Diva (Abdul Fattah bin Bolhanuddin). Beberapa orang pelajar juga telah dikenalpasti mempunyai potensi untuk dibawa ke pertandingan pengucapan awam.

Terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Norzaihan binti Hashim, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 di atas sokongan padu yang diberikan terhadap program pembangunan pelajar bagi program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118).

Sesi "Pengenalan kepada Pengucapan Awam"

Sesi "Stage Presence" - improvisation

Sesi pembentangan "Salesman" dan Pengacara Majlis

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my